



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 22 MAC 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	46 'BUBU NAGA' PRAWN TRAPS SEIZED IN PERLIS, NEWS, NST -10	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	CORN FARMING LAND IDENTIFIED TO BOOST POULTRY FEED PRODUCTION, NEWS, NST -6	LAIN-LAIN
3.	BEKALAN SAYUR NEGARA KRITIKAL, DALAM NEGERI, UM 1 & 2	
4.	TANAM ANGGUR GUNA ILMU INTERNET, LOKAL, HM -20	
5.	ISU KEKURANGAN BEKALAN AYAM BERLAKU SEJAK OKTOBER TAHUN LALU, NASIONAL, BH -8	
6.	SYOR HUKUMAN LEBIH BERAT KEPADA PENDERA HAIWAN, MINDA PEMBACA, BH -13	
7.	INSURANS TAKAFUL PERTANIAN TINGKAT DAYA SAING AGROMAKANAN, RENCANA, BH -12	
8.	SUPARDI TANAM KETUM AYAM, JAGUNG BUIRIN, GAYA TANI, UM -21 & 22	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

46 'bubu naga' prawn traps seized in Perlis

KANGAR: The Malaysian Maritime Enforcement Agency (Kuala Perlis Zone) seized 46 *bubu naga* (China prawn net traps) 0.6 nautical miles off the coast of Kurung Tengar, Perlis, at 5.15pm on Saturday. Kuala Perlis Maritime Zone director Maritime Commander Mohd Hashim Mat Zain said the traps, about 10m long, were detected during patrols through suspicious red cloths floating on the water tied to wooden structures, which were markers to indicate the location of the traps. Hashim said the use of *bubu naga* was prohibited by the Fisheries Department from Nov 1, 2018, as it could adversely affect marine biodiversity and fishermen's sources of income. **Bernama**

Corn farming land identified to boost poultry feed production

SOME 80,000ha of land have been identified for corn farming as part of the government's long-term measures to boost animal feed production in Malaysia.

The initiative seeks to produce 1.44 metric tonnes of corn by next year.

Deputy Agriculture and Food Industries Minister Daruk Seri Ahmad Hamzah said the price of corn, the source of carbohydrate in chicken feed, had shot up by 110.99 per cent to RM1,920 per tonne this month from RM910 per tonne in January 2020.

Meanwhile, the price of soybean meal, the source of protein, has seen a 83.45 per cent increase from RM1,673.50 per tonne in January 2020 to RM3,070 per tonne this month.

"There is a steep hike in prices of feed grain due to this, as animal feed constitutes 70 per cent

of the operational costs.

"It is compounded by the surge in demand for chicken, especially by businesses such as restaurants and hotels after the lifting of the MCO (Movement Control Order) from October 2021," he said in reply to a question from Datuk Ahmad Jazlan Yaakub (BN-Machang).

The rise in animal feed prices has forced some farmers to reduce production to prevent losses. Ahmad said the industry had also reduced the import of chicks for breeding to prevent the spread of Newcastle disease during the rainy season, while floods last year had directly impacted the chicken farming industry.

He said Malaysians consume some 2.09 million chickens daily, according to data by the Veterinary Services Department (DVS). He said findings by DVS re-

vealed that the country's chicken production dropped from 52.05 million chickens in October 2021 to 51.4 million chickens in November last year.

Meanwhile, Malaysia produced 61.1 million chickens in December, causing a shortage in supply in the market, he said.

Ahmad said other long-term measures include studies conducted to seek alternatives for the feed composition by utilising by-products of oil palm plantations, palm kernel cake or palm kernel extracters, and offering a soft loan to affected farmers totalling RM200 million through Agrobank.

He said short-term measures included issuing an approved permit to 36 companies to import some 36,030 tonnes of chicken between December last year and May this year, as well as providing subsidies for chicken (60 sen



A worker feeding chickens at a farm in Kuala Lumpur. BERNAMA PIC

per kg) and grade A, B and C eggs (five sen each) from Feb 5 to June this year.

"The initiative is expected to benefit 2,061 meat chicken farmers and 194 egg chicken farmers. The people will be able to buy additional subsidies.

Bekalan sayur negara kritikal

Oleh **MOHAMAD SHOFI MAT ISA**
shofi.isa@mediamulia.com.my

CAMERON HIGHLANDS: Kekurangan bekalan sayur sehingga 40 peratus ketika ini yang berlarutan lebih dua tahun sejak penularan pandemik Covid-19, dikhuatiri lebih kritikal pada Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri tidak lama lagi.

Faktor utamanya adalah kekurangan pekerja yang begitu mendesak dalam sektor pertanian ketika ini sekali gus mempengaruhi harga sayur yang kadang-kala melonjak tinggi.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Setiausaha Pertubuhan Pekebun-pekebun Sayur Cameron Highlands, Chay Ee Mong berkata, kekurangan pekerja dalam sektor pertanian ketika ini terutama di kawasan tanah tinggi Cameron Highlands dianggarkan sebanyak 30 peratus.

Bersambung di muka 2

Bekalan sayur negara kritikal

Dari muka 1

“Kekurangan pekerja ini bukan sahaja membabitkan sektor pertanian, malah, semua sektor seperti perladangan, pembinaan dan perkhidmatan.

“Jadi, ketika ini, semua sektor saling tawar menawar gaji demi mendapatkan pekerja. Mana yang tawar gaji mahal di situlah pekerja akan pergi. Jadi, keperluan tenaga kerja memang sangat kritikal sekarang,” katanya di sini semalam.

Ee Mong berkata, faktor kedua disebabkan kos input yang terlalu tinggi seperti baja kimia, racun, jentera kecil dan mesin-mesin serta biji benih.

Beliau berkata, 80 peratus input dalam sektor itu adalah diimport kerana ia tiada pilihan disebabkan kualiti input tempatan kurang baik berbanding import.

“Kos input ini turut membabitkan soal gaji pekerja, dulu, kita bayar RM1,200 sahaja, tetapi majoriti mahu gaji RM2,000, jadi kita tetap kena bayar. Jika tidak mereka akan lari ke tempat lain.

“Kini dengan perintah gaji minimum RM1,500 yang akan dilaksanakan bermula Mei ini, ia pasti akan lebih membebankan pengusaha sayur, pekerja pasti akan minta gaji tinggi,” katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, faktor seterusnya adalah cuaca yang dianggap ‘luar biasa’ ketika ini yang mana ia menjejaskan hasil pengeluaran sayur tempatan sehingga 40 peratus ketika ini.



BEKALAN sayur yang semakin berkurang dijangka bertambah kritikal menjelang Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri. - UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN.

“Sepatutnya pada Mac ini cuaca panas, tetapi di Cameron Highlands ini, boleh dikatakan setiap hari hujan. Bukan sahaja hasil sayur berkurangan malah kualiti sayur pun terjejas,” jelasnya.

Selain itu katanya, kebergantungan pada ketika ini lebih kepada sayur tempatan kerana kos import terlalu tinggi disebabkan peningkatan harga bahan api dan krisis Ukraine-Rusia.

“Sayur seperti halia, cili merah, ubi kentang, bawang besar, brokoli, lobak merah tetap diimport tetapi disebabkan kos tinggi, apabila sampai ke sini (Malaysia), orang mahu untung dan perlu jual dengan harga mahal.

“Disebabkan kebergantu-

ngan ketika ini lebih kepada sayur tempatan dan atas faktor bekalannya kurang, harganya berubah-ubah bergantung bekalan dan permintaan semasa,” katanya.

Berhubung harga sayur tempatan ketika ini, beliau berkata, sawi putih ketika ini dijual RM5 sekilogram, sawi hijau (RM6 ke RM7 sekilogram), cili kecil merah (RM15 sekilogram), kobis (RM1.50 sekilogram), tomato (RM2 sekilogram), terung panjang (RM5 sekilogram) dan kacang panjang dijual pada RM7 sekilogram.

“Peningkatan harga berlaku disebabkan kekurangan pekerja bukan sahaja di kawasan tanah tinggi malah di kawasan tanah rendah pun sama,” ujarnya.



DARI kiri, Dzarul Hakim, Maizah dan Dol Malek menunjukkan anggur jupiter yang ditanam dalam RFL di Kampung Ramuan Cina Besar, Masjid Tanah.

Tanam **anggur** guna ilmu internet

Oleh Hassan Omar
am@hmetro.com.my

Masjid Tanah

Siapa menyangka keputusan berani tiga sekeluarga mencuba untuk menanam pokok anggur secara komersial akhirnya memberi pulangan lumayan.

Penanam pokok anggur berkenaan, Dol Malek Md Sap, 57, dan isteri, Maizah Jalil, 55, serta anak, Dzarul Hakim, 27, kini turut menjadi antara pembekal utama anak pokok anggur di negeri ini.

Berkat komitmen dan kesabaran mereka memperkenalkan tanaman anggur kepada anggota komuniti, anggur dihasilkan mereka kian mendapat tempat di pasaran.

Dol Malek berkata, mereka pernah mengusahakan pokok tin di dalam lima Ru-

Usaha, komitmen 3 sekeluarga usaha tanaman secara komersial kini jana pulangan lumayan



MAIZAH memetik anggur sambil dibantu Dol Malek (kiri) dan Dzarul Hakim.

mah Lindungan Hujan (RLH) sebelum ini.

"Namun kebanyakan pokok tin itu mati berikutan kami tidak dapat pulang ke Kampung Ramuan Cina Besar di sini, untuk menjaga pokok itu susulan Perintah

Kawalan Pergerakan (PKP) sebelum ini.

"Susulan itu kami cuba bangkit dan beralih kepada penanaman anggur," katanya

Berasaskan minat mendalam untuk mencuba bi-

dang pertanian baharu, bekas pegawai Tenaga Nasional Berhad (TNB) itu menimba ilmu berhubung aspek penanaman anggur melalui pembacaan buku dan bahan dalam internet.

Sementara itu, Dzarul Hakim yang bertugas sebagai akauntan berkata, mereka mencuba menanam pelbagai jenis anggur seperti jupiter, ninel dan velles yang berbeza warna serta rasa.

"Aspek memangkas atau memotong ranting pokok anggur amat penting bagi membolehkan kami mengawal ke arah mana ia menjalar," katanya.

Maizah berkata, hanya dalam tempoh antara 80 hingga 110 hari selepas ranting dipangkas, pokok akan mula mengeluarkan buah anggur dan boleh dipetik.

Isu kekurangan bekalan ayam berlaku sejak Oktober tahun lalu

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengesakan isu kekurangan bekalan ayam dalam pasaran bermula sejak Oktober tahun lalu, apabila pengeluaran ayam daripada ladang tempatan tidak mencapai kadar keperluan negara.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata purata keperluan ayam di Malaysia adalah 2.09 juta ayam sehari, atau 62.9 juta ayam sebulan.

Katanya, data Jabatan Veterinar menunjukkan jumlah pengeluaran ayam bagi tiga bulan terakhir tahun lalu, tidak mencapai jumlah purata keperluan ayam di negara ini.

"Purata keperluan ayam dalam negara ialah sebanyak 2.09 juta ekor sehari, atau 62.9 juta ekor sebulan.

"Data pengeluaran ayam oleh Jabatan Veterinar pada Oktober 2021 ialah 52 juta ekor dan menurun kepada 51.4 juta ekor pada November 2021.

"Pengeluaran ayam pada Disember 2021 pula adalah sebanyak 61.1 juta ekor; namun belum mencapai 62.9 juta ekor mengikut keperluan sebenar, sekali gus menunjukkan terdapat kekurangan bekalan dalam pasaran," katanya ketika sesi jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Ahmad Jazlan Yaakub (BN-Machang) yang bertanyakan punca kekurangan bekalan ayam sejak tiga bulan lalu, selain tindakan kerajaan melonjakkan semula bekalan ayam dalam pasaran.

Ahmad berkata, kekurangan bekalan ayam itu antara lain berlaku apabila penternak tempatan mengurangkan pengeluaran bagi mengelak kerugian akibat peningkatan kos operasi, yang disumbangkan oleh peningkatan ketara harga dedak ayam.

Faktor lain, katanya, adalah peningkatan permintaan ayam yang mendadak susulan pembukaan semula ekonomi negara, khususnya perhotelan dan catering pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak Oktober tahun lalu.

Selain itu, jelasnya, bencana banjir pada hujung tahun lalu turut menjejaskan industri ternakan, serta pengurangan kemaraan anak ayam semasa musim hujan bagi elak penyakit berjangkit seperti sampar ayam.

Berhubung soalan tambahan Ahmad Jazlan mengenai status bekalan ayam menjelang Ramadan dan Aidilfitri, Ahmad memberi jaminan ia mencukupi selepas kerajaan membenarkan import ayam bulat dari luar negara, selain pemberian subsidi



Data Jabatan Veterinar menunjukkan jumlah pengeluaran ayam bagi tiga bulan terakhir tahun lalu, tidak mencapai jumlah keperluan ayam di negara ini. (Foto hiasan)

kepada penternak.

"Kerajaan ambil pendekatan membenarkan import ayam bulat sebanyak 10,000 metrik tan dari luar negara, namun setakat ini kita hanya berkeupayaan mendapat 4,500 metrik tan ayam sahaja.

"Pada masa sama, kerajaan memberi subsidi berjumlah RM528 juta meliputi 60 sen sekilogram bagi ayam hidup dan ayam bulat, dan lima sen bagi

sebilik telur ayam tanpa mengira kategori," katanya.

Menjawab soalan tambahan Nor Azrina Surip (PH-Merbok) yang bertanya sama ada MAFI sedia menggunakan sisa makaran sebagai dedak ayam selaras hasil kajian Universiti Sains Malaysia (USM), Ahmad berkata, sisa makanan tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan ternakan ayam di ladang ternakan.

22/3/2022

BERITA
HARIANMINDA
PEMBACA

13

Syor hukuman lebih berat kepada pendera haiwan

Mohd Salleh Osman,
Presint 16,
Putrajaya

Baru-baru ini tular insiden 20 kucing mati dipercayai diracun dalam kejadian di kawasan peranginan sekitar Pantai Ketuang di Besut, Terengganu.

Kejadian itu dipercayai berpunca dari pada perbuatan khianat oleh individu atau kumpulan tidak bertanggungjawab. Namun, sebenarnya, kes penderaan haiwan bukan perkara baharu.

Sejak dulu, pelbagai kempen kesedaran untuk menjaga kebajikan haiwan dilaksanakan namun perbuatan sedemikian masih berleluasa. Malah kemungkinan terdapat sesetengah kes tidak dilaporkan.

Sebelum ini beberapa kes berkaitan penderaan haiwan dibawa ke mahkamah. Misalnya, pada 4 Mac 2018, seorang remaja dikenakan bon berke-lakuan baik selama setahun oleh Mahkamah Majistret Butterworth di atas kesalahan menendang seekor anak kucing berusia sebulan.

Begitu juga pada Januari tahun lalu apabila seorang wanita didakwa di Mahkamah Sesyen Butterworth kerana memukul seekor kucing betina dan seekor anak kucing sehingga mati pada 29 Disember 2020.

Dalam satu lagi kes lain, Mahkamah Sesyen Selangor pada 5 November 2019 menjatuhkan hukuman penjara 34 bulan dan denda RM40,000 terhadap seorang lelaki selepas bersalah membunuh kucing bunting dengan memasukkannya ke dalam mesin pengering dobi layan diri.

Meskipun begitu, kes penderaan haiwan tetap berlaku. Keadaan ini memerlukan kita melihat dengan mendalam misalnya penguatkuasaan un-

dang-undang perlu lebih tegas dan tanpa kompromi. Ia harus dilayan sama rata seperti juga jenayah lain yang membabitkan nyawa dan keselamatan manusia.

Justeru, disyorkan supaya selain daripada hukuman mengikut akta sedia ada, pesalah juga diwajibkan melakukan kerja-kerja amal seperti membantu pusat-pusat jagaan haiwan dengan memberi makan dan membersihkan tempat tinggalnya.

Dalam pada itu, inisiatif beberapa pusat perlin-



Pelbagai kempen kesedaran untuk menjaga kebajikan haiwan dilaksanakan namun perbuatan mendera dan membunuh haiwan masih berlaku. (Foto hiasan)

dungan haiwan yang dibina oleh orang perseorangan dan juga atas inisiatif masyarakat terutama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) sememangnya wajar dipuji.

Sesetengah mereka menghadapi pelbagai ke-angan seperti kos penyelenggaraan dan rawatan yang tinggi, gaji pekerja dan sebagainya namun demi rasa kemanusiaan semua itu diketepikan.

Hakikatnya, tidak semua orang sanggup ber- gelumang dengan kekotoran dan bau busuk apatah lagi berhabis wang ringgit demi mem- beri kehidupan yang lebih sempurna kepada kucing jalanan. Oleh itu, sumbangan tenaga mereka wajar diberi perhatian pihak-pihak berkemampuan dengan menghulurkan dana sa- ma ada berupa sumbangan wang, makanan atau menanggung kos rawatan haiwan yang berpenyakit.

Selain itu, pihak berkuasa tempatan (PBT) harus memainkan peranan proaktif dan bijak menangani isu haiwan terbiar ini secara holistik. Hapuskan stigma masyarakat yang memberi gambaran buruk bahawa PBT menangkap dan mematikan haiwan serta mengikut telunjuk mereka yang mendakwa kononnya dikacau oleh kucing-kucing yang tidak berdosa.

Bagi mereka yang kurang menggemari hai- wan itu tidak mengapa, tetapi jangalah me- ngambil kesempatan di atas kelemahannya de- ngan mendera atau membunuhnya. Contohi ne- gara Turki yang mana pihak berkuasa negara itu begitu menyantuni haiwan-haiwan seperti kucing.

Insurans takaful pertanian tingkat daya saing agromakanan

Oleh Mohd Faizal Rizal Mohd Rusli dan Dr Mohd Hafiz Zulfakar
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Puncak Alam

Industri agromakanan negara diakui mempunyai daya tahan tinggi, walaupun berdepan pelbagai siri krisis dunia.

Tidak hairan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ketika merasmikan Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Parlimen Ke-14 turut menyenut sumbangan industri agromakanan yang jelas mencerminkan kepentingan terhadap pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.

Berdasarkan laporan Jabatan Perangkaan, sumbangan industri agromakanan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) meningkat dengan kadar pertumbuhan 6.8 peratus kepada RM51.3 bilion pada 2020 berbanding RM28.3 bilion (2011).

Daripada jumlah itu, sektor pertanian kekal sebagai penyumbang utama kepada KDNK industri agromakanan negara dengan RM24.1 bilion berbanding subsektor lain.

Bagaimanapun, pembangunan sektor pertanian negara perlu dipergiatkan bagi mengurangkan kebergantungan terhadap import. Selain meningkatkan pendapatan eksport negara, ia mewujudkan peluang pekerjaan hingga dapat merapatkan jurang pendapatan antara bandar dengan luar bandar.

Menyadari kepentingan melindungi risiko dan ancaman bencana alam terhadap pengeluaran pertanian, pengenalan skim insurans dan takaful pertanian dalam industri agromakanan negara, terutama golongan petani dilihat keperluan dan mekanisme terbaik memastikan daya saing sektor ini terus mampan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Klandee memaklumkan kerajaan akan mewujudkan skim insurans dan takaful pertanian yang akan diperkenalkan pada suku kedua tahun ini.

Langkah ini bertepatan dan sejajar dengan Dasar Agromakanan Negara 2.0 (2021-2030) dan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (2021-2025).

Dianggarkan 820,000 petani sektor padi beras di seluruh negara bakal menjadi kumpulan perintis sebelum diperluaskan kepada subsektor lain.

Manfaat yang akan diterima, termasuk perlindungan terhadap tanaman daripada risiko dan ancaman bencana alam, serangan penyakit serta ketidaktentuan iklim yang menyebabkan pengurangan hasil pengeluaran dan menjejaskan sumber pendapatan petani.

Akibat musibah banjir penghujung tahun lalu, sektor pertanian, perikanan dan penternakan negara terjejas teruk dengan kerugian dilaporkan dianggarkan lebih RM90.6 juta.

Justeru, bagi memastikan kerugian akibat bencana alam seperti banjir dapat dilindungi, kerajaan menerusi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Agrobank yang diberi mandat menajayakan skim ini perlu memperhalusi beberapa aspek.

Pertama, kadar premium berpatutan. Terdapat pelbagai saranan agar MAFI memastikan kadar bayaran premium bersesuaian dengan skop dan jenis perlindungan ditawarkan kepada penggiat sektor pertanian.

Adalah penting pengelola skim mengambil kira tahap kemampuan golongan sasaran, termasuk kemam-

puan fiskal kerajaan yang masih bergelut dengan pandemik COVID-19 dan beberapa siri bencana alam.

Bagi mengelakkan timbul 'masalah dalam masalah', kadar bayaran premium harus tidak membekankan golongan sasaran dan kerajaan.

Kerajaan juga harus mempertimbangkan kaedah terbaik menggunakan peruntukan Tabung Bantuan Bencana Agromakanan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) sebagai dana suntikan atau subsidi dalam memastikan lebih ramai penyertaan golongan petani.

Namun, tanggungjawab dan keperluan subsektor lain di bawah industri agromakanan tidak boleh diabaikan.

China sudah lama memperkenalkan insurans pertanian seumpama ini untuk membantu petani berdepan cabaran dan risiko bencana alam. Ia turut memberi subsidi sama rata dan bersesuaian kepentingan serta sumbangan setiap sektor di bawah industri agromakanan.

Ganjaran insentif dalam bentuk pengurangan kadar bayaran premium juga boleh diperkenalkan sekiranya peserta mempunyai tahap pengurusan risiko baik dan tidak ditimpa sebarang bencana dalam sesuatu tempoh.

Penyediaan infrastruktur baik seperti sistem saliran dan pengairan, penggunaan baja berkualiti, teknologi penanaman moden serta terkini boleh dijadikan antara faktor untuk mengurangkan risiko. Ini untuk memastikan setiap peserta hanya membayar premium berdasarkan risiko dimiliki.

Kedua, penggunaan terma dan syarat dalam dasar juga haruslah mudah difahami serta tidak mengelirukan golongan sasaran.

Setiap peserta perlu memahami segala skop perlindungan ditawarkan, pengecualian tidak akan ditanggung dan syarat termaktub dalam polisi atau sijil untuk mengelakkan sebarang masalah timbul.

Bagi memastikan penyertaan menyeluruh, sokongan dan bantuan wakil persatuan petani, kerajaan negeri serta agensi berkaitan diperlukan bagi memudahkan proses penyertaan peserta.

Ketiga, tuntutan pantas. Memandangkan skim insurans dan takaful pertanian baru hendak diperkenalkan, timbul sedikit kebingungan sekiranya proses tuntutan terlalu rumit dan dan mengambil masa lama.

Justeru, tatacara dan prosedur operasi standard (SOP) untuk proses tuntutan perlu diperincikan serta dipermudahkan agar dapat membantu golongan sasaran bangkit dengan cepat tanpa sebarang kelewatan.

Keempat, kesedaran. Pengurangan bayaran premium semata-mata tidak banyak membantu dalam meningkatkan kadar penembusan insurans pertanian. Justeru, MAFI perlu memperhebatkan kempen dan promosi untuk memberi kefahaman serta mewujudkan kesedaran.

Penggunaan saluran dan medium mempromosikan skim perlindungan perlu bersesuaian serta sampai kepada golongan sasaran lebih-lebih lagi penduduk luar bandar atau pedalaman.

Bagi memastikan skim insurans dan takaful pertanian dapat memberi manfaat sepenuhnya, MAFI dan agensi berkaitan perlu turun ke lapangan mendekati golongan sasaran dan mendengar sendiri permasalahan serta cadangan mereka.

Kelima, teknologi. Pengelola skim insurans dan takaful pertanian harus memastikan setiap peserta yang ingin menyertai skim perlindungan bersedia sepenuhnya.

Makluman dan behaban awal perlu diterima golongan sasaran sekiranya terdapat keperluan mewujudkan penggunaan teknologi pertanian pintar seperti internet kebendaan (IoT), data raya, kecerdasan buatan (AI) dan rantaian blok bagi menjamin keberkesanan.

Kesediaan golongan petani tua masih menggunakan cara dan konsep pertanian tradisional perlu dipertimbangkan. Terdapat kajian mendapati hanya golongan petani muda dan moden lebih berminat untuk turut serta dalam skim insurans dan takaful pertanian.

Pengelola juga disarankan menggunakan teknologi terkini seperti 'remote sensing' dan dron yang dapat mempercepatkan proses penilaian risiko serta kerosakan dan kemusnahan tanaman.

Keenam, kerjasama awam swasta. Pembaitan syarikat insurans dan pengendali takaful perlu diketengahkan melalui kerjasama awam swasta.

Kerajaan sebagai pengelola skim akan menerima sumbangan kepakaran dan kemahiran swasta berkaitan dalam memahami serta menguruskan skim ini.

Adalah wajar skim insurans dan takaful pertanian diberi keutamaan kerajaan agar dapat membantu penggiat industri agromakanan terutama dari sektor pertanian untuk terus berdaya tahan di samping meringankan beban kerajaan membantu golongan sasaran ini jika dilanda musibah.

Pengenalan skim insurans dan takaful pertanian dalam industri agromakanan negara, terutama golongan petani dilihat sebagai keperluan dan mekanisme terbaik memastikan daya saing sektor ini terus mampan



SUPARDI Bai menanam ketum ayam atau Madre de Agua di kebunnya di kampung Gedang, Terachi, Kuala Pilah. - UTUSAN/MOHD SHAHJEHAN MAAMIN



Bantu elak kebergantungan dedak import

Oleh **BADRUL HAFIZAN MAT ISA**
badrul.isa@mediamaju.com.my

ISU kebergantungan golongan penternak di negara ini kepada makanan ternakan import bukanlah perkara baharu. Masalah makanan ternakan menyebabkan mereka terpaksa menanggung kos pengeluaran yang sangat besar.

Menyedari hal itu, Supardi Bai, 55, dari Kampung Gedang, Terachi, Kuala Pilah, Negeri Sembilan mula melihat potensi tumbuhan berasal dari benua Amerika Selatan dikenali sebagai *Madre de Agua* sebagai alternatif kepada bahan makanan ternakan haiwan.

Pemegang Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dari Universiti Okayama, Jepun ini menjelaskan, tumbuhan yang lebih popular dikenali sebagai pokok daun ketum ayam itu ditanamnya sejak 2012 dan ia merupakan versi hibrid *Madre de Agua* hasil percubaannya selama 10 tahun.

Mesra disapa Pak Tani, dia kemudian mula menanam tumbuhan dengan nama

saintifik *Trichanthera Gigantea* itu di sebidang tanah seluas enam ekar yang disewa di kampung tersebut.

"Ayam suka daun ini. Ia diberi sama ada secara begitu sahaja atau diracik dan dikisar bersama bahan lain seperti ubi kayu atau jagung bijirin," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Panggilan ketum ayam yang diberikan semata-mata supaya ia mudah disebut dan diingat orang ramai. Sedangkan pokok itu adalah sebenarnya hasil cantumannya dengan pokok ubi kayu.

Pemenang tempat ketiga Pertandingan Anugerah Inovasi Jabatan Veterinar 2019 itu memberitahu, hasil analisis pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar, daun ketum ayam memiliki tinggi protein hingga mencecah 23.3



CAMPURAN daun ketum ayam dan jagung bijirin serta beberapa bahan lain boleh dijadikan makanan ternakan ayam.

peratus malah lebih tinggi daripada protein yang ada

dalam dedak. Daun ketum ayam turut

Supardi tanam ketum ayam, jagung bijirin



"...ayam sangat sukakan daun ini yang diberikan penternak secara terus ataupun yang diracik dan dikisar bersama beberapa bahan lain seperti ubi kayu ataupun jagung bijirin."

sesuai untuk dijadikan makanan ternakan lain seperti itik, kambing, lembu, arnab dan juga ikan.

"Pokoknya mudah hidup. Selepas dua bulan ditanam, ia boleh menghasilkan daun yang boleh menjadikan makanan tambahan buat ternakan," katanya yang turut mengusahakan ternakan ayam secara kecil-kecilan.

Bersambung di muka 22

Dari muka 21

TANAM JAGUNG BIJIRIN

Supardi turut

mengusahakan tanaman jagung bijirin di tanah seluas satu ekar yang telah dimulakannya sejak hujung tahun lalu sebagai suatu percubaan bagi kegunaan sendiri terutama untuk penghasilan makanan ternakan dengan gabungan daun ketum ayam.

"Penggunaan daun ketum ayam bersama beberapa bahan mentah lain termasuk jagung dapat membantu penternak ayam terutamanya yang mengusahakan ternakan secara kecil-kecilan. Ia dapat mengurangkan penggunaan dedak, sekali gus mengurangkan kos," katanya.

Walaupun tanaman berkenaan hanyalah percubaan untuk kegunaan sendiri sahaja, namun kata Supardi dia turut mendapat permintaan daripada penternak yang mahukan anak pokok dan campuran makanan ternakan yang dihasilkannya itu.

Supardi menjelaskan, usaha dilakukannya itu adalah langkah kecil untuk mengurangkan kebergantungan kepada makanan ternakan import.

Justeru langkah lebih besar sewajarnya diambil oleh semua pihak khususnya kerajaan supaya tanaman seperti daun ketum ayam dan jagung bijirin dijalankan dalam skala lebih besar sebagai langkah jangka panjang menggalakkan kebergantungan pada makanan ternakan import.

"Jika tiada usaha



USAHA Supardi mengkomersialkan pokok ketum ayami adalah langkah kecil untuk mengurangkan kebergantungan kepada makanan ternakan import.



TUMBUHAN ini juga boleh dipatuk ayam tanpa perlu dikisar terlebih dahulu.

ataupun langkah pertama diambil, kita akan terus menerus bergantung kepada pengimportan dedak, dan

isu yang kita hadapi ketika ini iaitu harga dedak yang diimport melambung, harga ayam yang tinggi, tidak akan

berkesudahan," katanya lagi yang telah menjalankan kerjasama dengan pihak penyelidik dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bagi penghasilan pelet makanan ternakan daripada bahan asas daun ketum ayam dan tanaman tempatan lain.

TIADA BEZA RASA

Pengusaha ternakan ayam kampung, Oun Mohamad, 62 berkata, sejak menggunakan daun ketum ayam dikisar bersama beberapa bahan lain sebagai makanan ayam ternakannya dia dapat mengurangkan kos dedak sebanyak 30 peratus.

Tiada perbezaan ketara daripada segi kualiti ataupun rasa daging ayam selepas menggunakan daun ketum ayam. Yang berbeza ialah ia lebih menjimatkan kos.

"Penjimatan ini membantu



DAUN ketum ayam dikisar sebelum diberi kepada haiwan ternakan.

KETUM AYAM

- » Nama saintifik *Trichanthera Gigantea*.
- » Tumbuhan asal dari benua Amerika Selatan.
- » Turut dikenali sebagai *Madre de Agua*.
- » Pokok ini adalah sebagai alternatif kepada bahan makanan ternakan haiwan.
- » Daunnya boleh dipatuk, diracik atau dikisar bersama bahan lain seperti ubi kayu atau jagung bijirin.
- » Turut sesuai untuk dijadikan makanan ternakan lain seperti itik, kambing, lembu, anab dan juga ikan.

sedikit sebanyak golongan penternak seperti saya untuk mengurangkan kos pengeluaran kerana harga dedak import yang meningkat ketika ini memang membebankan. Ia memang alternatif yang baik daripada penternak terus bergantung kepada produk import," katanya.

Pemilik MyOun Farm Sdn. Bhd. di Kampung Solok Mura, Tanjung Ipoh, Kuala Pilah itu menyifatkan usah Supardi itu sebagai sangat baik, namun kerajaan perlu memainkan peranan supaya usaha serupa dilakukan di seluruh negara termasuk memastikan tanah-tanah terbiar yang ada dioptimumkan dengan tanaman-tanaman tersebut.

"Menanam sendiri memang sukar kerana tidak memang besar. Kerajaan mempunyai kemudahan dan dana, semuanya lengkap cuma tinggal kemahuan.

"Tanah terbiar yang ada perlu diusahakan secara besar-besaran dengan tanaman seperti jagung bijirin juga. Kami yakin negara akan keluar daripada kebergantungan dedak import kelak," katanya.



SUPARDI mengisar daun ketum ayam untuk dijadikan makanan haiwan ternakan. Bahan ini boleh menjadi alternatif kepada kebergantungan dedak haiwan ternakan import yang kian meningkat harganya.